


**TEKS UCAPAN  
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR UTeM**



Terima kasih pengacara majlis  
Bismillahirahmanirahim

## **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada malam ini sempena dengan **Program “UTeM Terus Bersolidariti Bersama Palestin”**

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran **barisan panel penceramah iaitu (Encik Syed Zulfaqar bin Syed Mohd Khair dari NGO HALUAN MALAYSIA) & (Ustaz Khairul Che Saleh)**, para mahasiswa, staf serta para tetamu yang telah memberikan sokongan dan komitmen untuk menjayakan inisiatif murni ini.

3. Perhimpunan pada malam ini sepatutnya mencetuskan keinsafan dan kesedaran yang mendalam dalam diri setiap yang hadir. Bahawa tatkala kita begitu selesa menikmati suasana nyaman dewan ini dengan selamat, **seramai 450,000 penduduk di Palestin kini hidup menderita dan memerlukan pertolongan kita.**

## **Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian**

4. Tragedi serangan bom bertubi-tubi terhadap pejuang dan rakyat Palestin yang dilancarkan oleh Rejim Zionis Israel sejak Oktober 2023 yang lalu benar-benar menyergah sensitiviti kita di sini untuk turut merasai keperitan penderitaan tersebut.
  
5. Setelah lebih setahun perang ini meletus (Semenjak 07 Oktober 2023) Ternyata, **Rejim Zionis Israel sama sekali tidak menunjukkan kesungguhan untuk mengiktiraf kewujudan negara Palestin yang merdeka**, sedangkan negara Israel itulah sebenarnya yang merupakan entiti haram dan tidak sah. Saya percaya, sesiapa jua pun yang

waras sama sekali tidak akan dapat menerima tindakan Rejim Zionis Israel yang sewenang-wenangnya bertindak kejam terhadap penduduk terutamanya kanak-kanak tidak berdosa yang dirampas kemerdekaan mereka dan diambil nyawa mereka. Hospital serta kem-kem perlindungan pelarian juga turut dibom tanpa rasa bersalah oleh Rejim Zionis Israel.

6. Tragedi hari ini, merupakan ulangan kepada siri-siri pencabulan Rejim Zionis Israel terhadap kebebasan Palestin yang telah kerap kali berlaku sebelum ini. Keangkuhan rejim tersebut yang merasa begitu berkuasa untuk

bertindak sesuka hati jelas mencabul undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia.

7. Inilah iktibar yang perlu diambil oleh kita. Betapa nikmat kemerdekaan dan kebebasan yang kita nikmati kini boleh hilang begitu sahaja apabila kepercayaan berbalas dengan pengkhianatan. **Sebagai warga dan umat yang peka dan prihatin, pastinya kita merasa terpanggil untuk membantu rakyat Palestin dalam apa jua bentuk yang mampu.**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

8. Untuk makluman bersama, UTeM mempunyai seramai 36 orang pelajar Palestin (9 pelajar prasiswazah dan 27 pelajar

pascasiswazah). Bagi pihak UTeM, kita telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai tanda kebersamaan kita bersama Palestin seperti Pelancaran serta Sumbangan Tabung Kemanusiaan Palestin, Khutbah Jumaat berkaitan Solidariti Palestin disamping Program UTeM Terus Bersolidariti Bersama Palestin ini sendiri.

9. Bukan itu sahaja, UTeM turut memberi **bantuan kepada pelajar-pelajar Palestin yang menyambung pengajian di UTeM seperti:**
- a) **Bantuan Sara Hidup dari KPT sebanyak RM 900 sebulan selama 1 tahun - 17 orang pelajar**

**b) Pengecualian Yuran Pengajian untuk Semester 1 dan Semester 2 bagi Sesi Akademik 2023/2024 - 20 orang pelajar**

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

10. Saya percaya bahawa kesedaran untuk menganjurkan program solidariti ini bukanlah untuk mencari populariti atau publisiti, tetapi sebaliknya merupakan **manifestasi komitmen warga kampus untuk bersatu demi keamanan sejagat**. Solidariti tersebut merentasi perbezaan agama, bangsa dan keturunan kerana isu Palestin bukanlah isu umat Islam semata-mata, tetapi merupakan

masalah sejagat yang memerlukan intervensi kemanusiaan daripada sesiapa sahaja yang waras.

11. Inilah sebenarnya yang ingin dicanai daripada program seumpama ini iaitu **keupayaan warga kampus untuk memikirkan soal-soal global dan menambah nilai kepada kesarjanaan warga kampus serta masyarakat sekitar melalui pelbagai program Universiti.**
12. Justeru, pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua Jawatankuasa Program atas komitmen yang ditunjukkan bagi mengelolakan program ini dengan**

jayanya. Adalah menjadi harapan saya dan pihak pengurusan UTeM agar lebih banyak inisiatif seperti ini dikemukakan selaras dengan kebersamaan kita dalam menjuarai isu-isu diplomasi global.

13. Sebelum mengakhiri ucapan ini, marilah kita berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan usaha yang dijalankan ini mendapat restu keberkatan dan peliharaan-Nya. Semoga langkah kecil yang dimulakan ini akan berkesudahan dengan penyelesaian yang konstruktif kepada saudara-saudara kita di Palestin, Insya-Allah.

Dengan harapan dan doa tersebut, dan **dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program “UTeM Terus Bersolidariti Bersama Palestin” pada malam ini.**

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



اوپیوسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA